

RESEARCH ARTICLE

Pembelajaran Bahasa Melayu Berasaskan Projek untuk Meningkatkan Kemahiran Bahasa dalam Kalangan Murid Tahun Enam

Muhammad Affan Ahamad^{1*}, Abdul Hamid Abu Bakar

¹ Pusat Bahasa, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Kem Sungai Besi, 57000, Kuala Lumpur, Malaysia.

² SISC+ Bahasa, Pejabat Pendidikan Daerah Hilir Perak, 36000 Teluk Intan, Perak, Malaysia.

ABSTRAK - Pembelajaran Bahasa Melayu Berasaskan Projek (PBMBP) merupakan pendekatan yang menekankan kemahiran berbahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis berdasarkan proses pelaksanaan bagi penghasilan produk. Reka bentuk kajian ini merupakan kajian tindakan yang melibatkan empat peringkat pelaksanaannya iaitu merancang, bertindak, memerhati dan merefleks. Instrumen kajian ini melibatkan kaedah pemerhatian secara langsung terhadap sampel kajian dan analisis dokumen. Dapatan kajian dianalisis secara deskriptif secara peratusan. Sampel kajian ini melibatkan seramai 28 orang murid tahun enam dari Sekolah Kebangsaan Sungai Jejawi, Teluk Intan, Perak. Tema bagi pelaksanaan PBMBP ini ialah "Pertanian dan Penternakan" berdasarkan buku teks Bahasa Melayu. Dapatan kajian mendapati semua kemahiran iaitu mendengar dan bertutur, dan membaca dan menulis mencatatkan purata peratus kenaikan tahap penguasaan murid yang terlibat. Melalui analisis dokumen yang dilakukan, kebanyakan murid dapat menghasilkan rumusan, memindahkan maklumat ke dalam bentuk grafik, menghasilkan karangan berformat dialog dan menghasilkan lirik lagu untuk dipersembahkan secara didik hiburan. Kesimpulannya, PBMBP dapat meningkatkan tahap penguasaan murid dalam kemahiran berbahasa kerana mengutamakan kemahiran berbahasa sebagai medium proses penghasilan produk. Selain itu, PBMBP juga dapat memotivasikan murid untuk belajar secara aktif dan memupuk kerjasama ahli kumpulan untuk membantu rakan yang kurang mahir dalam kemahiran berbahasa melalui kaedah bantuan (scaffolding) selari dengan konsep konstruktivisme serta memberi keseronokan sewaktu belajar dalam kalangan murid kerana pada akhir projek dipersembahkan secara didik hiburan melalui seni bahasa.

ARTICLE HISTORY

Received : 5 June 2023

Revised : 19 October 2023

Accepted : 25 October 2023

Published : 31 October 2023

KATA KUNCI

Kajian tindakan

Kemahiran berbahasa

Konstruktivisme

Pembelajaran berasaskan projek

Seni bahasa

Project-based Malay Language Learning to Improve Language Skills among Year Six Pupils

ABSTRACT – *Project-based Malay language learning (PBMBP) is an approach that emphasises language skills, including listening, speaking, reading, and writing, based on the process of producing products. This action research involves four stages of implementation: planning, acting, observing, and reflecting. The research instrument consists of direct observation of the study sample and document analysis. The research findings are analysed descriptively in percentages. The study sample comprises 28 sixth-grade students from Sungai Jejawi National School, Teluk Intan, Perak. The theme for the PBMBP is based on the Malay language textbook "Agriculture and Animal Husbandry." The findings indicated the pupils improved proficiency levels for listening and speaking, reading, and writing skills. Document analysis found that most pupils could produce summaries, convert information into graphical form, create dialogue-based essays, and compose song lyrics for entertaining presentations. PBMBP enhances pupils' language proficiency by prioritising language skills as a medium for product generation. PBMBP also motivates pupils to learn actively and fosters the cooperation of group members to help friends who are less proficient in language skills through scaffolding in line with the concept of constructivism. At the end of the project, it provided fun while learning because it was presented educationally and entertaining through language arts.*

KEYWORDS

Action research

Constructivism

Language art

Language skills

Project-based learning

PENGENALAN

Kemahiran bahasa merupakan medium perantaraan bagi seseorang untuk menyampaikan maklumat kepada orang lain. Ia meliputi kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Dalam Dokumen Standard Kurikulum dan

Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Semakan 2017 telah menggariskan aktiviti yang bersesuaian sebagai panduan untuk dilaksanakan oleh guru untuk melihat perkembangan murid dalam kemahiran berbahasa. Oleh itu, penguasaan kemahiran bahasa ini dapat ditingkatkan melalui Pembelajaran Berasaskan Projek kerana pembelajaran ini dapat membantu guru menilai perkembangan murid dalam pembelajaran untuk menghasilkan sesuatu produk berdasarkan maklumat lama dan baharu yang dimiliki oleh murid. Riduan et al. (2021) menyatakan pendekatan berasaskan projek memberi kesan terhadap penguasaan bahasa dalam kalangan murid. Impaknya, guru dapat menambah baik amalan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) melalui kepelbagaian aktiviti projek.

Bagi memastikan kemahiran berbahasa ini dapat ditingkatkan dalam kalangan murid, Pembelajaran Bahasa Melayu Berasaskan Projek (PBMBP) merupakan kaedah PdPc yang amat selari dengan pembelajaran abad ke-21 (PAK-21) iaitu menekankan pembelajaran aktif dalam kalangan murid. Dalam PBMBP ini, ia lebih menjurus ke arah peningkatan dan perkembangan murid dalam kemahiran berbahasa. Tonge dan Mahamod (2020), menjelaskan bahawa Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) ini meningkatkan kualiti penulisan karangan murid dalam subjek Bahasa Melayu. Kemahiran menulis murid akan bertambah baik melalui aktiviti projek seperti penghasilan buku skrap, lakonan mahupun puisi.

Kemahiran lisan juga boleh ditingkatkan melalui aktiviti pembentangan secara kumpulan kerana guru dapat mengesan dan mentaksir keupayaan murid untuk berbicara bagi menyampaikan maklumat kepada orang lain. Bukan itu sahaja, kemahiran lisan boleh diterapkan dalam aktiviti PBP melalui aktiviti bercerita. Menurut Razak (2013), aktiviti projek penceritaan digital multimedia (DST) membantu para pelajar memahami sesebuah cerita dengan lebih mendalam. Kenyataan ini disokong oleh Taher dan Razak (2022), iaitu PBP memberi pendedahan kepada murid tentang dunia sebenar secara *hands on* yang dapat meningkatkan penguasaan verbal bahasa dalam kalangan pelajar kerana melibatkan komunikasi pelbagai pihak. Impaknya, kemahiran bahasa dapat menjadikan aktiviti yang menarik melalui PBP.

PBMBP menjadi pilihan penyelidik sebagai kaedah projek dalam PdPc kerana memudahkan guru mengesan tahap penguasaan murid dalam kemahiran berbahasa dan merupakan pendekatan yang berkesan untuk menggalakkan murid menyelesaikan tugas. Melalui kaedah projek, penghasilan produk memudahkan murid untuk mempersembahkan idea mereka yang tersendiri serta melibatkan diri secara aktif untuk mempelajari bahasa bagi menyelesaikan masalah yang dihadapinya melalui tugas yang diberikan oleh guru (Isti'adah, 2020; Feng et al., 2021). Tuntasnya, pembelajaran bahasa dapat ditingkatkan dalam kalangan murid apabila wujudnya interaksi sesama rakan, pembacaan dan penjelasan maklumat untuk penghasilan projek serta dipersembahkan secara bentuk penulisan mahupun catatan maklumat.

Penyataan Masalah

Berdasarkan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang dilaksanakan oleh penyelidik, didapati beberapa isu yang timbul berkaitan dengan penguasaan kemahiran bahasa dalam kalangan murid tahun enam. Penyelidik mendapati bahawa penguasaan kemahiran lisan iaitu mendengar dan bertutur dalam kalangan murid kurang memuaskan sebelum Pembelajaran Bahasa Melayu Berasaskan Projek (PBMBP) dilaksanakan. Sewaktu penyelidik melaksanakan pemerhatian pada sesi PdPc di dalam kelas, murid kurang berupaya untuk memberikan respons berdasarkan maklumat yang diujarkan oleh rakan. Perkara ini menyebabkan murid tidak dapat menghuraikan dan menjelaskan maklumat yang didengarinya. Bukan itu sahaja, murid juga kurang berkeyakinan untuk menceritakan sesuatu maklumat yang didengarinya kepada rakan-rakan yang lain serta murid kurang aktif memberikan pendapat berkaitan maklumat untuk memberikan pandangan dengan menggunakan idea tersurat dan tersirat. Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa, kemahiran lisan dalam kalangan murid tahun enam adalah berada di tahap yang kurang memuaskan.

Selain itu, kemahiran membaca juga menjadi permasalahan yang berlaku dalam kalangan murid tahun enam. Murid tidak dapat menjelaskan maklumat yang dibaca secara kritis dan kreatif. Kesannya, murid tidak dapat membuat rumusan berdasarkan maklumat yang dibacanya. Sewaktu penyelidik melaksanakan pemerhatian ke atas mereka, mereka juga menghadapi masalah untuk menganalisis maklumat untuk membuat ramalan yang bersesuaian berdasarkan bahan yang dibaca. Penyelidik mendapati masalah kemahiran membaca dalam kalangan murid juga kurang memuaskan.

Akhir sekali, penyelidik mendapati bahawa kemahiran menulis juga menjadi isu yang ketara berlaku dalam kalangan murid. Perkara ini menyebabkan murid kurang memahami maklumat yang dibaca untuk memindahkan maklumat tersebut secara bercatat dalam bentuk peta *I-Think*. Bukan itu sahaja, murid juga kurang bermotivasi untuk menghasilkan penulisan kerana mereka tidak dapat menguasai cara penulisan yang betul. Oleh itu, penyelidik menyimpulkan bahawa, kemahiran menulis dalam kalangan murid tahun enam belum dikuasai sepenuhnya semasa aktiviti PdPc dilaksanakan di dalam kelas. Kesimpulannya, antara isu dan masalah yang dihadapi oleh penyelidik ialah:

- a. Murid belum menguasai kemahiran mendengar dan bertutur dengan sebaiknya dalam PdP Bahasa Melayu.
- b. Murid belum menguasai kemahiran membaca dengan sebaiknya dalam PdP Bahasa Melayu.
- c. Murid belum menguasai kemahiran menulis dengan sebaiknya dalam PdP Bahasa Melayu.

Objektif Kajian

- a. Mengenal pasti tahap penguasaan murid bagi kemahiran mendengar dan bertutur dalam PBMBP
- b. Mengenal pasti tahap penguasaan murid bagi kemahiran membaca dalam PBMBP.

- c. Mengenal pasti tahap penguasaan murid bagi kemahiran menulis dalam PBMBP.

Persoalan Kajian

- a. Apakah tahap penguasaan murid bagi kemahiran mendengar dan bertutur dalam PBMBP?
 b. Apakah tahap penguasaan murid bagi kemahiran membaca dalam PBMBP?
 c. Apakah tahap penguasaan murid bagi kemahiran menulis dalam PBMBP?

SOROTAN LITERATUR

Pembelajaran Bahasa Melayu Berasaskan Projek sememangnya memberi peluang kepada murid untuk didedahkan dengan pengalaman yang sebenar. Secara tidak langsung, penghasilan projek ini dapat mengasah kemahiran bahasa dalam kalangan murid. Perkara ini dapat membantu murid untuk meningkatkan penguasaan murid dalam kemahiran berbahasa yang dipelajari melalui aktiviti projek. Menurut Subri et al. (2021) menjelaskan bahawa amalan pengajaran guru yang menekankan pembelajaran berasaskan projek sebenarnya memupuk dan menggilap kemahiran murid dalam pembelajaran. Oleh itu, kajian tindakan yang dijalankan oleh penyelidik dapat menambah baik amalan PdPc dalam kalangan guru untuk membantu murid memperkukuh kemahiran bahasa melalui pembelajaran berasaskan projek.

Selain itu, pembelajaran Bahasa Melayu PBMBP tidak menekankan terhadap produk semata-mata kerana lebih menjurus kepada penguasaan kemahiran bahasa. Kemahiran bahasa perlu dikuasai oleh murid dalam pengajaran yang disampaikan oleh guru sewaktu menghasilkan projek mereka. Melalui kajian yang dijalankan oleh Feng et al. (2021), menjelaskan bahawa pengajaran guru bagi topik kata kerja boleh menggunakan kaedah projek dan dapat menunjukkan minat yang tinggi dalam kalangan murid. Impaknya, murid dapat mengukuhkan kemahiran bahasa yang dipelajari.


Penguasaan murid dalam kemahiran berbahasa menjadi lebih baik dengan adanya pendekatan yang pelbagai. Murid dapat berkomunikasi sesama rakan mereka secara aktif dan fasih melalui aktiviti seni bahasa dalam pembelajaran projek dan didik hibur. Deeneswary dan Nasri (2021) menjelaskan bahawa kemahiran lisan dalam kalangan murid menjadi lancar di samping dapat memupuk minat murid untuk mempelajari Bahasa Melayu secara aktif apabila guru mempelbagaikan pendekatan PdPc di dalam kelas. Oleh itu, murid mampu meningkatkan kemahiran berbahasa melalui amalan PdPc yang kreatif dan kritis dengan pemberian tugas berkumpulan yang melibatkan kerjasama sesama ahlinya.

Kesimpulannya, pembelajaran projek adalah salah satu pendekatan yang diperkenalkan oleh Vygotsky (1978) merupakan "*social constructivism*" iaitu pembelajaran sosial kerana melibatkan proses pembinaan sosial dan pengetahuan baharu berdasarkan pengetahuan sedia ada dalam kalangan murid kerana wujud interaksi sosial. Pendekatan ini mewujudkan persekitaran pembelajaran sosial kerana melibatkan murid secara aktif (Dewi & Fauziati, 2021). Oleh itu, murid dapat meneroka idea baharu dan meningkatkan daya fikir untuk menyelesaikan tugas yang diberikan oleh guru.

METODOLOGI DAN BAHAN

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian yang dilaksanakan oleh penyelidik ialah kajian tindakan. Bagi memastikan kajian tindakan ini dapat dilaksanakan secara sistematik dan mendapat hasil kajian yang tepat, penyelidik telah menggunakan model Kurt Lewin (1946) (rujuk Rajah 1) bagi menjalankan kajian tindakan ini. Dalam model ini, ia mempunyai empat perkara yang perlu diikuti oleh penyelidik untuk memastikan keberhasilan kajian tindakan ini dilaksanakan dengan sebaiknya. Antaranya melibatkan proses merancang, bertindak, memerhati dan merefleks. Penyelidik memilih model ini kerana ia melibatkan satu kitaran sahaja dan memudahkan penyelidik untuk melaksanakan kajian dalam tempoh yang tidak terlalu lama.



Rajah 1. Kajian tindakan model Lewin (1946)

Model Lewin (1946) yang mengandungi empat peringkat pelaksanaan kajian tindakan ini (Rajah 1). Keempat-empat peringkat ini mestilah diikuti oleh penyelidik untuk memastikan keberkesanan kajian tindakan ini dan membolehkan penyelidik melaksanakan pengulangan sekiranya kajian ini memerlukan intervensi yang seterusnya. Penyelidik telah menggariskan tiga perkara dalam perancangan ini iaitu sebelum, semasa dan selepas projek dilaksanakan.

Merancang

Penyelidik telah membuat perancangan yang sistematik bagi menjalankan kajian tindakan ini agar dapat menambah baik amalan PdPc dengan lebih lancar dan baik. Berdasarkan Rajah 2 di bawah merujuk kepada proses perancangan kajian tindakan yang perlu diikuti oleh penyelidik. Penyelidik telah mengenal pasti instrumen kajian yang sesuai diguna pakai untuk memperoleh data kajian. Antaranya, penyelidik menggunakan kaedah pemerhatian turut serta dan soal selidik. Kajian tindakan ini melibatkan perancangan sebelum projek dilaksanakan oleh penyelidik dengan secara teliti agar objektif pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan oleh penyelidik ini tercapai.

Penyelidik telah melaksanakan pembentukan ahli kumpulan bagi memudahkan pengagihan ahli kumpulan secara adil. Penyelidik telah memberi penjelasan kepada murid mengenai projek yang akan dilaksanakan nanti agar mereka dapat membuat persediaan yang sepatutnya. Penyelidik dan murid bersama-sama memilih tema projek yang sesuai dengan tahap dan pengetahuan sedia ada yang dimiliki oleh murid agar projek itu berjaya dilaksanakan. Tema projek ini ialah “Pertanian dan Penternakan” yang merupakan tema yang ketujuh dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 6 KSSR Semakan 2017. Seterusnya, penyelidik dan murid membincangkan peralatan dan bahan untuk melaksanakan projek. Penyelidik turut merancang aktiviti bersesuaian sepanjang proses projek dilaksanakan. Akhir sekali, penyelidik telah menyediakan borang pentaksiran yang meliputi penilaian terhadap kemahiran bahasa iaitu Rekod Perkembangan Murid (RPM) dan borang penilaian untuk menilai penghasilan produk dan nilai murni agar memudahkan penyelidik membuat semakan terhadap perkembangan dan tahap penguasaan murid melalui Pentaksiran Bilik Darjah (PBD).



Rajah 2. Proses perancangan PBM.

Bertindak

Langkah seterusnya adalah melibatkan langkah bertindak iaitu penyelidik telah membuat langkah-langkah aktiviti PdPc yang bersesuaian dengan projek tersebut. Dalam pelaksanaan aktiviti PdPc tersebut, penyelidik memastikan aktiviti tersebut dapat dilaksanakan berdasarkan DSKP yang dibangunkan oleh pihak Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Kementerian Pendidikan Malaysia. Semasa, aktiviti tersebut dijalankan, penyelidik turut melaksanakan PBD melalui penilaian formatif. Oleh itu, dalam tindakan pertama ini, penyelidik melaksanakan tiga aktiviti yang melibatkan kemahiran mendengar dan bertutur.



Rajah 3. Aktiviti kemahiran mendengar dan bertutur dalam PBM.


Berdasarkan Rajah 3, setiap aktiviti bagi kemahiran mendengar dan bertutur dilaksanakan selama sejam secara berselang hari dengan kemahiran membaca dan bertutur. Kemahiran tersebut mampu membantu murid untuk membuat rumusan dan ramalan, bercerita kepada rakan untuk menyampaikan maklumat dan memberikan respons terhadap maklumat yang disampaikan oleh rakan.

Dalam tindakan kedua penyelidik melaksanakan tiga aktiviti yang melibatkan kemahiran membaca. Rajah 4 menunjukkan aktiviti kemahiran membaca dalam PBMBP di mana setiap aktiviti bagi kemahiran membaca dilaksanakan selama sejam secara berselang hari dengan kemahiran mendengar dan bertutur serta kemahiran menulis. Melalui kemahiran membaca tersebut, murid berjaya menguasai kemahiran bersoal jawab sesama rakan untuk menjelaskan maklumat tersirat, dan menghargai nilai bahan bukan sastera dan menaakul teks yang dibaca untuk membuat rumusan.



Rajah 4. Aktiviti kemahiran membaca dalam PBMBP.

Kemudian, dalam tindakan ketiga ini, penyelidik melaksanakan tiga aktiviti yang melibatkan kemahiran menulis. Rajah 5 menunjukkan aktiviti kemahiran menulis dalam (PBMBP). Setiap aktiviti bagi kemahiran menulis dilaksanakan selama sejam secara berselang hari dengan kemahiran mendengar dan bertutur serta kemahiran membaca. Oleh itu, penyelidik dapat membantu murid untuk menulis pendapat dalam bentuk perenggan secara kritis dan kreatif, mencatat maklumat daripada penjanaan idea kepada bentuk grafik serta menulis penulisan berformat dialog.



Rajah 5. Aktiviti kemahiran menulis dalam PBMBP.

Namun begitu, penyelidik turut menyelitkan PdPc aspek seni bahasa yang menjadi sokongan terhadap pembelajaran kemahiran berbahasa dalam kalangan murid. Perkara ini dapat membantu murid untuk mengekspresi seni bahasa melalui didik hibur agar tidak membosankan murid sewaktu belajar di samping dapat mencungkil bakat murid. Misalnya, murid dapat melaksanakan aktiviti berpuisi seperti bersajak berdasarkan puisi yang dihasilkan, mencipta seni kata lagu untuk dipersembahkan dalam bentuk nyanyian dan menghasilkan skrip cerita untuk dipersembahkan dalam bentuk lakonan. Penjanaan idea dalam kalangan murid menggalakkan pemikiran yang kritis dan kreatif. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Ahmad dan Othman (2020) iaitu pengajaran kemahiran membaca secara didik hibur mampu mengembangkan bakat dan potensi diri iaitu memupuk berfikir di luar kotak (rujuk **Lampiran A** Gambar a, b dan c).

Memerhati

Penyelidik melaksanakan pemerhatian dengan melibatkan beberapa instrumen PBD. Antaranya, penyelidik melaksanakan pentaksiran secara pemerhatian yang melibatkan aspek kognitif, psikomotor, afektif dan sosial. Di samping itu, penyelidik melaksanakan pentaksiran melalui kemahiran lisan yang meliputi soal jawab kepada setiap kumpulan untuk mendapatkan respon daripada ahli kumpulan dan menceritakan langkah-langkah bagi proses pelaksanaan aktiviti projek yang dijalankan. Selain itu, pelaksanaan instrumen seperti aktiviti pembentangan kumpulan dijalankan oleh penyelidik untuk menjelaskan maklumat yang telah dibincangkannya. Di dapati murid kelihatan bersungguh-sungguh untuk melibatkan diri secara aktif dalam pembentangan biarpun sedikit rasa malu di hadapan kelas. Seterusnya, penyelidik telah melaksanakan pentaksiran melalui aktiviti perbincangan atau sumbang saran secara berkumpulan seperti menjelaskan maklumat yang dibaca untuk dipindahkan ke dalam bentuk grafik seperti peta *I-Think*, peta minda, jadual mahupun dipersembahkan dalam aktiviti seni bahasa seperti nyanyian, puisi dan lakonan. Penyelidik mendapati murid mahu melakukan yang terbaik untuk mempersembahkan seni bahasa tersebut kepada rakan-rakan yang lain.

Kemudian, pentaksiran melalui lembaran kerja secara bertulis dilaksanakan oleh penyelidik kepada murid-murid untuk mentaksir kemahiran menulis seperti menulis pendapat, penulisan berformat dan menulis jawapan berdasarkan soalan pemahaman yang diberikan oleh penyelidik berdasarkan teks maklumat. Penyelidik memerhatikan murid-murid yang lemah dibantu oleh rakan mereka yang lebih mahir agar berjaya menyiapkan tugas. Akhir sekali, penyelidik mentaksir murid melalui aktiviti tugas kumpulan dengan meminta murid untuk membentangkan hasil projek secara didik hibur melalui lakonan. Instrumen pentaksiran tersebut telah dilaksanakan sepanjang aktiviti PdPc yang dilaksanakan untuk melihat perkembangan dan tahap penguasaan (TP) murid dalam kemahiran Bahasa berdasarkan langkah memerhati bagi aktiviti PdPc yang dilaksanakan mengikut Standard Pembelajaran yang terkandung dalam DSKP berserta kesesuaian PBD dilaksanakan (rujuk **Lampiran B**).

Merefleksi

Berdasarkan keseluruhan aktiviti yang dilaksanakan dan diperhatikan tadi, penyelidik mendapati bahawa terdapat perubahan dari aspek peningkatan penguasaan kemahiran bahasa dalam kalangan murid tahun enam melalui aktiviti Pembelajaran Bahasa Melayu Berasaskan Projek (PBMBP). Namun begitu, terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian oleh penyelidik agar dapat melaksanakan penambahbaikan terhadap perkara tersebut. Antaranya, terdapat beberapa murid dalam kumpulan mereka yang kurang memberikan kerjasama yang terbaik kepada ahli sekumpulan mereka. Misalnya, masalah kehadiran dan tingkah laku mereka yang mengganggu sedikit kelancaran proses pelaksanaan PBMBP. Perkara ini menjadikan murid kurang bermotivasi untuk mengikuti PBMBP. Walaubagaimanapun, penyelidik perlu sentiasa memberi nasihat dan galakan serta menjanjikan pemberian ganjaran kepada kumpulan untuk meningkatkan motivasi mereka untuk melaksanakan PBMBP.

Di samping itu juga, PBMBP ini turut memudahkan guru untuk melaksanakan PBD kerana pentaksiran formatif dapat dilakukan secara menyeluruh. Pentaksiran tersebut dilaksanakan bermula pada awal sesi PdPc. Semasa PdPc dan pada akhir sesi PdPc. Pemberatan pentaksiran terhadap kemahiran bahasa dalam kalangan murid menjadikan PBMBP ini sebagai salah satu pendekatan untuk membantu murid meningkatkan tahap penguasaan kemahiran bahasa. Terdapat beberapa orang murid yang sentiasa mengharapkan sepenuhnya pergantungan daripada rakan dan guru bagi melaksanakan PBMBP. Perkara ini disebabkan oleh mereka kurang keyakinan dan sikap mereka yang belum bersedia untuk melaksanakan sesuatu aktiviti PBMBP. Pasti perkara ini menjadikan pelaksanaan aktiviti PBMBP perlu mengambil masa yang lama sedikit dalam satu tempoh PdPc pada hari tersebut. Oleh itu, penyelidik perlu memberikan bimbingan yang sewajarnya supaya murid-murid lebih bersikap berdikari dan amanah dalam melaksanakan PBMBP seperti yang dikehendaki oleh guru.

Persampelan

Kajian tindakan ini dilaksanakan oleh penyelidik yang melibatkan kumpulan sasaran iaitu seramai 28 orang murid tahun enam yang terdiri daripada 15 orang murid lelaki dan 13 orang murid perempuan. Mereka terdiri daripada keluarga yang bekerja sebagai petani, bekerja sendiri dan kakitangan swasta. Responden kajian yang dipilih ini ialah murid dari Sekolah Kebangsaan Sungai Jejawi. Lokasi sekolah mereka terletak di luar bandar iaitu di kawasan daerah Hilir Perak, Perak. Sebahagian mereka mempunyai masalah dalam kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, membaca serta menulis. Lima daripadanya merupakan murid daripada kelas pemulihan. Oleh itu, mereka dibantu oleh rakan-rakan yang lebih mahir agar dapat mewujudkan bimbingan (*scaffolding*).

Prosedur Kajian

Kajian tindakan ini melaksanakan pemerhatian dan analisis dokumen bagi pengumpulan data untuk memudahkan penganalisisan data kajian.

Pemerhatian

Penyelidik telah menggunakan kaedah pemerhatian turut serta iaitu melibatkan pemerhatian terhadap aspek pengetahuan, kemahiran, sikap dan sosial murid-murid. Pada masa yang sama, penyelidik telah menggunakan borang senarai semak bagi melaksanakan pemerhatian semasa kajian dilaksanakan. Kaedah pemerhatian ini merupakan salah

satu instrumen bagi pelaksanaan PBD kerana dapat mengesan perkembangan murid secara formatif. Dalam aspek kognitif tersebut, ia melibatkan pemerhatian terhadap kemahiran mendengar bertutur, membaca dan menulis. Melalui aspek kemahiran pula, penyelidik memerhatikan TP murid dalam kemahiran mendengar bertutur, membaca dan menulis. Dari aspek sikap pula, penyelidik memerhatikan tingkah laku yang ditunjukkan oleh semasa aktiviti PdPc. Dari aspek sosial pula, penyelidik menekankan nilai-nilai murni. Pemerhatian ini dilaksanakan sewaktu PdPc dijalankan oleh penyelidik iaitu selama satu jam bagi setiap satu sesi PdPc subjek Bahasa Melayu. Penyelidik telah membuat rakaman dan menangkap gambar aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh murid-murid sepanjang aktiviti projek dilaksanakan.

Analisis Dokumen

Penyelidik juga menggunakan kaedah analisis dokumen bagi menyokong data pemerhatian semasa kajian tindakan dilaksanakan. Antara perkara yang diberi perhatian oleh penyelidik semasa penganalisan dokumen dibuat adalah menyelidik gambar Bahan Bantu Belajar yang digunakan, semakan hasil kerja bertulis mahupun catatan maklumat, dan instrumen pentaksiran yang dikenali sebagai RPM. Melalui penganalisan dokumen ini, penyelidik dapat membuktikan hasil dapatan kajian ini dengan lebih tepat dan telus. Menurut Feng et al. (2021), kaedah analisis dokumen ini merupakan proses triangulasi bagi memastikan kredibiliti data yang dikumpul menjawab persoalan kajian.

Analisis Data

Pemerhatian

Penyelidik telah menggunakan borang senarai semak sebagai sumber data utama kajian ini. Penyelidik telah membuat analisis berdasarkan data pemerhatian yang diperolehi iaitu melibatkan aspek kemahiran bahasa. Melalui pemerhatian, penyelidik dapat mengetahui dengan lebih mendalam mengenai aktiviti PdPc yang dilaksanakan oleh guru di dalam kelas, komunikasi antara guru dan murid serta pencapaian murid dalam PdPc yang lebih realistik.

Penyelidik telah menyediakan borang RPM yang juga dijadikan sebagai borang pemerhatian semasa aktiviti PdPc. Ketiga-tiga aspek kemahiran bahasa diberikan markah bermula dari nilai 1 hingga 6 kepada setiap murid semasa aktiviti PdPc dilaksanakan. Pemberian nilai tersebut selari dengan penetapan TP murid yang terkandung dalam DSKP Bahasa Melayu Tahun 6 KSSR Semakan 2017. Pemerhatian ini dilaksanakan sebanyak sembilan kali iaitu bersamaan dengan sembilan kali aktiviti PdPc. Aktiviti PdPc ini dilaksanakan selama satu jam bagi satu sesi. Penyelidik telah melakukan ulangan kemahiran bahasa pada hari yang lain bagi membantu para murid menguasai kemahiran bahasa yang dipelajari.

Cara pengiraan peratus kenaikan TP murid dalam kemahiran berbahasa:

$$[(I3 - I1) / I1] \times 100; (I1 = \text{Intervensi 1}, I3 = \text{Intervensi 3})$$

Purata peratus kenaikan TP murid dalam kemahiran berbahasa:

$$\text{Jumlah peratus kenaikan tahap penguasaan murid} / \text{Jumlah bilangan murid} \times 100$$

Analisis Dokumen


Sepanjang aktiviti PdPc dilaksanakan, analisis dokumen ini meliputi lembaran kerja secara bertulis berdasarkan aktiviti projek. Penyelidik dapat mengecam kekuatan dan kelemahan murid semasa melaksanakan tugas yang diberikan oleh penyelidik. Antaranya, penyelidik mentaksir penguasaan murid terhadap penjanaaan idea tersurat dan tersirat dalam bentuk rumusan secara bertulis, pemindahan maklumat secara bentuk grafik, penghasilan penulisan dan mensintesis lirik lagu. Segala tugas bertulis yang diselesaikan oleh murid telah disemak oleh penyelidik pada sebelum dan selepas aktiviti PdPc tamat (formatif). Selepas dokumen disemak, penyelidik meminta murid untuk melihat semula semakan yang disiapkan untuk mengenal pasti kesilapan, kelemahan dan membetulkannya supaya dapat mendapatkan maklum balas secara menyeluruh daripada penyelidik.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Pemerhatian

Tahap Penguasaan Kemahiran Mendengar dan Bertutur dalam PBMBP


Berdasarkan Rajah 6, empat orang murid telah menunjukkan peningkatan sebanyak 25%, enam orang murid 33%, lapan orang murid 50%, enam orang murid 66.7% dan empat orang murid mencapai 100% bagi TP kemahiran mendengar dan bertutur melalui PBMBP. Purata peratus kenaikan TP murid dalam kemahiran mendengar dan bertutur adalah 53.6% (rujuk **Lampiran A** Gambar d dan e).



Rajah 6. Peratus kenaikan TP berdasarkan bilangan murid bagi kemahiran bertutur melalui PBMBP.

Tahap Penguasaan Kemahiran Membaca dalam PBMBP


Rajah 7 menunjukkan bahawa empat orang murid telah menunjukkan peningkatan sebanyak 25%, tujuh orang murid sebanyak 33%, lapan orang sebanyak 50%, enam orang mencapai 66.7% dan tiga mencapai 100% bagi TP kemahiran mendengar dan bertutur melalui PBMBP. Purata peratus kenaikan TP murid dalam kemahiran membaca adalah 53.5% (rujuk **Lampiran A** Gambar f dan g).



Rajah 7. Peratus kenaikan TP berdasarkan bilangan murid bagi kemahiran membaca melalui PBMBP.

Tahap Penguasaan Kemahiran Menulis dalam PBMBP

Lima orang murid telah menunjukkan peningkatan 25%, enam orang murid 33%, lapan orang 50%, tujuh murid mencapai 66.7% dan dua orang murid mencapai 100% bagi TP kemahiran mendengar dan bertutur melalui PBMBP (Rajah 8). Purata peratus kenaikan TP murid dalam kemahiran menulis pula adalah 49.6% (rujuk **Lampiran A** Gambar h dan i).



Rajah 8. Peratus kenaikan TP berdasarkan bilangan murid bagi kemahiran menulis melalui PBMBP.

Jadual 1 menunjukkan TP keseluruhan kemahiran berbahasa yang diulang sebanyak tiga kali iaitu intervensi 1 (I1), intervensi 2 (I2) dan intervensi 3 (I3).

Jadual 1. Dapatkan data pemerhatian bagi kemahiran berbahasa yang direkodkan dalam borang pemerhatian.

| Bil. | Responden | Kemahiran | | | | | | | | | | | |
|----------|-----------|----------------|----|----|------|------|----|----|------|-------|----|----|------|
| | | Dengar & Tutur | | | | Baca | | | | Tulis | | | |
| | | I1 | I2 | I3 | % | I1 | I2 | I3 | % | I1 | I2 | I3 | % |
| 1. | R1 | 4 | 5 | 6 | 50.0 | 3 | 4 | 6 | 100 | 4 | 5 | 6 | 50.0 |
| 2. | R2 | 3 | 4 | 5 | 66.7 | 3 | 4 | 5 | 66.7 | 4 | 4 | 5 | 25.0 |
| 3. | R3 | 3 | 4 | 5 | 66.7 | 3 | 3 | 4 | 33.0 | 3 | 3 | 4 | 33.0 |
| 4. | R4 | 3 | 4 | 4 | 33.0 | 3 | 4 | 4 | 33.0 | 3 | 4 | 4 | 33.0 |
| 5. | R5 | 4 | 4 | 5 | 25.0 | 3 | 3 | 4 | 33.0 | 4 | 5 | 6 | 50.0 |
| 6. | R6 | 4 | 5 | 6 | 50.0 | 4 | 5 | 6 | 50.0 | 4 | 5 | 6 | 50.0 |
| 7. | R7 | 3 | 4 | 5 | 66.7 | 3 | 4 | 5 | 66.7 | 4 | 5 | 5 | 25.0 |
| 8. | R8 | 3 | 4 | 5 | 66.7 | 3 | 4 | 4 | 33.0 | 3 | 4 | 5 | 66.7 |
| 9. | R9 | 2 | 3 | 3 | 50.0 | 2 | 3 | 3 | 50.0 | 2 | 2 | 3 | 50.0 |
| 10. | R10 | 2 | 3 | 3 | 50.0 | 2 | 2 | 3 | 50.0 | 3 | 3 | 4 | 33.0 |
| 11. | R11 | 2 | 3 | 4 | 100 | 3 | 3 | 4 | 33.0 | 3 | 4 | 4 | 33.0 |
| 12. | R12 | 3 | 4 | 4 | 33.0 | 3 | 4 | 4 | 33.0 | 3 | 4 | 5 | 66.7 |
| 13. | R13 | 2 | 3 | 4 | 100 | 2 | 3 | 4 | 100 | 2 | 4 | 4 | 100 |
| 14. | R14 | 4 | 4 | 5 | 25.0 | 4 | 5 | 5 | 25.0 | 3 | 4 | 5 | 66.7 |
| 15. | R15 | 3 | 4 | 4 | 33.0 | 4 | 4 | 5 | 25.0 | 3 | 3 | 4 | 33.0 |
| 16. | R16 | 4 | 5 | 5 | 25.0 | 4 | 5 | 6 | 50.0 | 4 | 5 | 6 | 50.0 |
| 17. | R17 | 3 | 4 | 5 | 66.7 | 4 | 4 | 6 | 50.0 | 4 | 5 | 6 | 50.0 |
| 18. | R18 | 4 | 5 | 6 | 50.0 | 4 | 5 | 6 | 50.0 | 3 | 4 | 5 | 66.7 |
| 19. | R19 | 3 | 3 | 4 | 33.0 | 4 | 4 | 5 | 25.0 | 3 | 4 | 4 | 33.0 |
| 20. | R20 | 3 | 3 | 4 | 33.0 | 3 | 3 | 5 | 66.7 | 4 | 4 | 5 | 25.0 |
| 21. | R21 | 3 | 3 | 4 | 33.0 | 3 | 4 | 5 | 66.7 | 3 | 3 | 5 | 66.7 |
| 22. | R22 | 2 | 3 | 3 | 50.0 | 2 | 3 | 4 | 100 | 2 | 2 | 3 | 50.0 |
| 23. | R23 | 3 | 5 | 6 | 100 | 4 | 4 | 6 | 50.0 | 4 | 5 | 6 | 50.0 |
| 24. | R24 | 4 | 4 | 5 | 25.0 | 3 | 3 | 4 | 33.0 | 3 | 4 | 5 | 66.7 |
| 25. | R25 | 3 | 5 | 6 | 100 | 4 | 5 | 5 | 25.0 | 4 | 4 | 5 | 25.0 |
| 26. | R26 | 3 | 4 | 5 | 66.7 | 3 | 4 | 5 | 66.7 | 4 | 4 | 5 | 25.0 |
| 27. | R27 | 2 | 2 | 3 | 50.0 | 2 | 2 | 3 | 50.0 | 2 | 3 | 4 | 100 |
| 28. | R28 | 4 | 5 | 6 | 50.0 | 3 | 4 | 5 | 66.7 | 3 | 4 | 5 | 66.7 |
| Purata % | | 53.6 | | | | 53.5 | | | | 49.6 | | | |

Nota: R= Responden; I1 = Intervensi 1, I2= Intervensi 2, I3=Intervensi 3

Analisis Dokumen

Secara keseluruhan murid boleh melaksanakan aktiviti PBMBM melalui penyelesaian tugas secara bertulis. Penyelidik mendapati aktiviti PdPc yang menggunakan peta *I-Think* amat membantu murid untuk menjana idea secara kritis dan kreatif. Seterusnya, penulisan karangan berformat dialog membantu murid untuk mengekspresi idea mereka dalam bentuk penulisan kreatif untuk diterjemahkan dalam bentuk lakonan. Akhir sekali, penghasilan lirik lagu juga mendorong mereka untuk memperkasa kemahiran berbahasa mereka dalam bentuk seni bahasa secara didik hibur (rujuk **Lampiran C** Dokumen a hingga e).

Jadual 2 menunjukkan penilaian yang dilakukan oleh penyelidik melalui analisis dokumen berdasarkan semakan hasil kerja murid seperti penulisan karangan, pendapat, catatan maklumat mahupun lirik lagu dan puisi yang dijalankan secara bertulis. Penelitian dalam analisis dokumen ini mampu membantu penyelidik mengenal pasti tahap penguasaan murid bagi sesuatu topik yang diajar dan guru dapat merefleksikan amalan pentaksiran formatif serta ketelitian semakan hasil tulisan murid yang dilaksanakan (Chong et al., 2017).

Jadual 2. Dapatan analisis dokumen melalui aktiviti PdPc secara bertulis.

| Aktiviti PdPc Secara Bertulis | Aspek Penilaian Analisis Dokumen (%) | | | | | |
|--|--------------------------------------|---------------|-------------------------|--------------------------------|-----------------|--------------------|
| | Susunan idea | Sistem bahasa | Mengikut cara penulisan | Maklumat tersurat dan tersirat | Mesej dan nilai | Kritis dan kreatif |
| 1. Penulisan rumusan secara berperenggan | 80 | 78 | 84 | 82 | 82 | 84 |
| 2. Mencatat maklumat dalam peta alir | 90 | 78 | 82 | 76 | 78 | 86 |
| 3. Mencatat maklumat puisi dalam peta buih | 88 | 80 | 84 | 82 | 82 | 88 |
| 4. Penulisan karangan berformat dialog | 86 | 74 | 88 | 84 | 88 | 90 |
| 5. Penghasilan lirik lagu melalui seni bahasa | 84 | 80 | 80 | 80 | 82 | 86 |
| 6. Menulis untuk menyatakan pendapat yang kritis dan kreatif | 80 | 78 | 82 | 84 | 84 | 86 |
| Jumlah | 85 | 78 | 83 | 81 | 83 | 87 |

87 peratus daripada murid-murid yang terlibat berupaya menjana idea secara kritis kreatif dalam aktiviti penulisan mahupun catatan maklumat. Murid-murid memiliki idea yang tersendiri untuk dikongsikan bersama-sama ahli kumpulannya bagi menghasilkan penulisan pendapat, dialog seterusnya melakonkan watak-watak serta mempersembahkan puisi dan nyanyian melalui aktiviti seni bahasa secara didik hibur. Seterusnya, sebanyak 78% orang murid mampu menghasilkan penulisan dengan menggunakan sistem bahasa yang meliputi ejaan, tatabahasa mahupun kosa kata yang betul dan sesuai. Aspek sistem bahasa ini mencatatkan peratusan yang terendah berbanding aspek-aspek yang lain dalam penilaian analisis dokumen. Perkara ini menunjukkan bahawa murid menggunakan bahasa pertuturan mereka dalam kehidupan seharian yang tidak formal serta dipengaruhi kosa kata dalam media sosial melalui aktiviti penulisan sewaktu PdPc dilaksanakan. Penggunaan singkatan perkataan dan campuran bahasa asing menjadi permasalahan yang dihadapi oleh pelajar dalam penggunaan media sosial (Akhmarisha & Rusniyati, 2017). Perkara ini menjejaskan penguasaan sistem bahasa yang betul dan gramatis dalam kalangan murid.

Berdasarkan kajian yang dilaksanakan oleh penyelidik, didapati para murid menunjukkan pencapaian yang lebih baik dari aspek kemahiran bahasa. Mereka berasa seronok melaksanakan PBMBP secara berkumpulan dan nilai kerjasama dapat diserlahkan untuk memudahkan proses pelaksanaan projek. Murid-murid dapat membantu antara satu sama lain dalam kumpulan kerana murid yang lebih mahir dapat membimbing murid yang lemah bagi melaksanakan aktiviti pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Penyelidik mendapati bahawa elemen *scaffolding* dapat dilihat melalui aktiviti PdPc yang dilaksanakan oleh mereka demi mencapai objektif PdPc. Perkara menepati dengan konsep pendekatan konstruktivisme yang menekankan aspek sokongan daripada orang sekeliling yang lebih mahir agar membolehkan seseorang itu dapat menyelesaikan tugas secara sendiri. Kenyataan ini disokong oleh Muhammad Affan et al. (2022), bahawa pendekatan konstruktivisme ini amat membantu guru untuk menggalakkan murid berkolaborasi dan berpusatkan murid bagi memupuk Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) bagi memberi peluang kepada murid untuk bekerjasama menjana idea berdasarkan tugas yang dilaksanakan. Di sini, murid pemulihan daripada setiap kumpulan telah dibimbing oleh rakan mereka yang lebih mahir dalam aktiviti yang melibatkan kemahiran mendengar bertutur, membaca dan menulis. Impaknya, TP murid dalam kemahiran bahasa dapat ditingkatkan dari hari ke hari kerana kemahiran bahasa tersebut dilaksanakan secara berulang-ulang dan secara bergilir dengan kemahiran yang lain.

Selain itu, pelaksanaan PBMBP ini lebih mengutamakan terhadap kemahiran berbahasa dalam kalangan murid. Penekanan terhadap penguasaan kemahiran bahasa memang menjadi keutamaan dalam aktiviti projek berbanding produk yang dihasilkannya. Di sini, penyelidik dapat menilai TP murid dalam kemahiran bahasa tersebut. Melalui TP kemahiran bahasa ini, ia menjadi kayu ukur kementerian murid dalam projek yang dihasilkan melalui aktiviti keterampilan bahasa. Menurut Nor et al. (2020), menjelaskan bahawa kemahiran berbahasa dalam bentuk seni bahasa dapat digilap menerusi pembelajaran secara didik hibur. Oleh itu, melalui pembentangan, penceritaan, penjelasan maklumat dan penulisan dapat mencungkil bakat murid dalam aktiviti seni bahasa dan memberikan keseronokan kepada murid. Secara tidak langsung, KBAT dapat diimplementasikan dalam aktiviti seni bahasa secara didik hibur melalui PBMBP. Bujang dan Subet (2021) menyatakan bahawa penjelasan makna harfiah dalam puisi sajak menggalakkan pemikiran murid untuk mentakrif perkataan yang mengandungi perlambangan makna bagi menjelaskan falsafah dan akal budi penuturnya. Oleh itu, pengimplementasian KBAT dapat mencabar minda secara kritis dan kreatif murid kerana mereka perlu menjana idea, menyesuaikan maklumat dan menghasilkan persembahan melalui nyanyian, puisi dan lakonan. Penyelidik juga perlu mengambil kira pengetahuan sedia ada yang dimiliki oleh murid itu sendiri agar membentuk pembelajaran baharu. Impaknya, pendekatan konstruktivisme ini mampu membentuk PBMBP yang berkualiti dan berkesan.

Di samping itu, masalah kehadiran ahli kumpulan menjadi cabaran terhadap kelancaran aktiviti projek yang dilaksanakan oleh kumpulan. Perkara ini menyebabkan ahli kumpulan berasa kurang selesa terhadap ahli kumpulannya kerana projek yang dilaksanakannya itu lambat disiapkan. Kesannya, kurang komitmen diberikan oleh murid kerana memerlukan penelitian sepenuhnya daripada guru (Letchumanan & Che Rose, 2021). Tambahan lagi, terdapat antara murid pemulihan yang kerap tidak hadir menyebabkan bimbingan daripada ahli kumpulan yang mahir, kurang dilaksanakan secara berkesan. Oleh itu, komitmen setiap daripada ahli kumpulan menjadi keutamaan dalam kejayaan aktiviti PBMBP untuk dilaksanakan dan disiapkan.

Kajian tindakan ini dilaksanakan adalah untuk menambah baik amalan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang lebih terancang dan sistematik kerana memerlukan langkah-langkah yang teratur untuk melihat kelemahan dan kekuatan strategi mahupun kaedah PdPc yang dilaksanakan. Perkara ini dapat memberi peluang kepada guru mencuba dan mempelbagaikan kaedah PdPc yang sesuai. Melaluinya, guru dapat melaksanakan PdPc yang lebih kreatif. Proses pembelajaran tidak berkesan dan murid tidak teruja terhadap PdPc tersebut jika guru tidak kreatif di dalam kelas (Mustapha & Rahim, 2008). Oleh itu, pemilihan strategi berpusatkan murid melalui kaedah pembelajaran projek dipilih dalam kajian tindakan ini berupaya membantu penguasaan murid dalam kemahiran bahasa untuk memupuk keterampilan berbahasa dalam kemahiran bahasa yang dipelajarinya.

Akhir sekali, segala pelibatan aktiviti yang dilaksanakan oleh murid-murid akan dinilai oleh penyelidik agar menjadikan kumpulan mereka lebih unggul dan cemerlang. Penilaian ini merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran, sikap dan sosial dalam kalangan murid. Segala aspek ini dicatatkan oleh penyelidik dalam borang pemerhatian yang telah dibangunkan oleh penyelidik. Setiap murid telah diberi nasihat dan peringatan kepada setiap kumpulan agar memastikan kehadiran murid mestilah dipatuhi dan diambil kira dalam penilaian projek. Pemakluman ini bertujuan untuk memastikan murid dapat menyertai aktiviti PBMBP secara aktif (Alizah & Zamri, 2019; Tholibon et al., 2022; Tonge & Mahamod, 2020). Oleh itu, setiap kumpulan perlu bersaing secara sihat antara satu sama lain agar masing-masing bermotivasi untuk mendapatkan ganjaran yang diberikan oleh penyelidik pada akhir projek itu dilaksanakannya. Perkara ini, dapat menggalakkan mereka untuk menyiapkan aktiviti PdP seperti yang ditetapkan oleh penyelidik.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Pembelajaran Bahasa Melayu Berasaskan Projek (PBMBP) perlu diperluas kepada para murid tanpa mengira tahap persekolahan. Pembudayaan PBMBP ini perlu dilaksanakan oleh para guru kerana dapat membantu guru untuk menambah baik amalan PdPc. Maka, guru perlu melakukan perancangan yang rapi untuk memastikan kelancaran projek dilaksanakan dengan baik. Galakan dan dorongan kepada murid seperti pemberian motivasi secara intrinsik dan ekstrinsik juga perlu agar memastikan keberhasilan produk mereka berjaya dihasilkan. Melalui kajian tindakan ini, guru dapat mentaksir kemahiran berbahasa dalam kalangan murid sepanjang proses penghasilan produk mereka dan bukannya melihat kepada penghasilan produk mereka semata-mata. Oleh yang demikian, guru dapat mengenal pasti keupayaan dan tahap penguasaan murid dalam sesuatu kemahiran berbahasa yang ditetapkan dalam objektif PdPc. Peranan guru sebagai fasilitator iaitu pemudahcaraan PdPc sememangnya mewujudkan pembelajaran abad ke-21 yang menekankan strategi pembelajaran berpusatkan murid. Oleh itu, kemenjadian murid dapat direalisasikan dengan memperlihatkan bakat yang dimiliki oleh murid melalui PBMBP.

Bagi kajian seterusnya ialah penyelidik boleh melaksanakan kajian yang melibatkan penghasilan projek berfokuskan aspek seni bahasa. Penyelidik dapat melaksanakan projek dari aspek seni bahasa bagi memartabatkan seni dan budaya dalam kalangan masyarakat. Murid-murid dapat mempelajari dan mengenali keunikan dan kepelbagaian budaya dalam kalangan masyarakat di negara kita. Misalnya, murid dapat menghasilkan produk seperti peralatan lakonan, pakaian kebudayaan masyarakat dan pengisahan cerita rakyat yang diimplementasikan melalui Teknologi Maklumat Komunikasi. Oleh itu, para murid dapat mempersembahkan produk yang dihasilkan secara didik hibur.

Akhir sekali, kajian tindakan ini juga boleh dijadikan sebagai kajian penyelidikan yang menggunakan kaedah kuasi eksperimental oleh para penyelidik yang lain. Penyelidik boleh membahagikan kepada dua kumpulan yang terdiri daripada kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Instrumen kajian yang boleh digunakan oleh penyelidik lain ialah penggunaan ujian pra dan ujian pasca dengan menggunakan analisis T-Test melalui perisian SPSS. Oleh itu, penyelidik dapat membanding beza perbezaan pencapaian antara dua kumpulan tersebut melalui pendekatan Pembelajaran Bahasa Melayu Berasaskan Projek (PBMBP).

PENGHARGAAN

Penyelidik berterima kasih kepada Sekolah Kebangsaan Sungai Jejawi khususnya murid-murid tahun 6 USM (2022), para pentadbir, guru-guru, dan Puan Nurmazura binti Mohd Yunus, Pegawai Sektor Pembelajaran (Bahasa), Jabatan Pendidikan Negeri Perak. Terima kasih juga kepada Kementerian Pendidikan Malaysia atas peruntukan kewangan kepada sekolah yang terlibat dalam kajian rintis pelaksanaan PBMBP (inisiatif #108: Pemartabatan Pendidikan Bahasa Melayu).

RUJUKAN

- Ahmad, N. & Othman, S. (2020). Penggunaan kaedah didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca guru bahasa Melayu sekolah rendah. *International Journal of Education and Training* 6(2), 1-11.
- Akhmarisha, N. & Rusniyati (2017). Analisis linguistik terhadap penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar di IPTS. *AL-Lisan International Journal for Linguistic & Literary Studies*, 1(1), 151-165.
- Alizah Lambri & Zamri Mahamod. (2019). *Pembelajaran Berpusatkan Pelajar*. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Bujang, G. R., & Subet, M. F. (2021). Merungkai makna sajak “istimewanya kita”: pengaplikasian semantik inkuisitif dalam kalangan murid tahun empat. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(2), 68-79.
- Deeneswary & Nasri, N. M. (2021). Sikap dan motivasi murid india sekolah rendah pedalaman Tamil dalam mempelajari Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3), 331-341.
- Dewi, L. & Fauziati, E. (2021). Pembelajaran tematik di sekolah dasar dalam pandangan teori konstruktivisme Vygotsky. *Jurnal Papeda: Jurnal Publikasi Pendidikan Dasar* 3(2), 163-174.
- Feng, F. L. Y., Fen, K. G., Liang, K. P., & Shin, L. H. (2021). Kaedah pengajaran dalam talian guru bahasa Melayu dan motivasi murid sekolah jenis kebangsaan Cina sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 11(1), 57-74.
- Isti'adah F. N. (2020). *Teori-teori Belajar dalam Pendidikan*. Jawa Barat: Edu Publisher Sdn. Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2006). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006- 2011*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Landy, F.J. (1989). *Psychology of Work Behavior (4th ed.)*. Belmont: Wadsworth.
- Letchumanan, K., & Che Rose, R. A. (2021) Cabaran dan isu yang dihadapi dalam pelaksanaan Program Sekolah Lestari di Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*, 17(1), 238-254.
- Lewin, K. (1946). Action Research and Minority Problems. *Journal of Social Issues*. 2. 34-46. <http://dx.doi.org/10.1111/j.1540-4560.1946.tb02295.x>
- Likert, R. (1932). *A Technique for the Measurement of Attitudes*. New York: Columbia University Press.
- Muhammad Affan Ahamad, Erda Wati Bakar, & Jowati Juhary. (2022). Kemahiran berfikir aras tinggi melalui pendekatan konstruktivisme dalam pengajaran seni bahasa. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 7(7), e001597. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i7.1597>
- Chua, Y.P. (2006). *Kaedah dan Stitistik Penyelidikan. Buku 2. Asas Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Cresswell, J.W. (2008). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. New Jersey: Pearson Merrill Prentice Hall.
- Mustapha, R., & Rahim, Z. L. A. (2008). Pembelajaran berasaskan masalah bagi mata pelajaran elektronik: Satu kajian tindakan di sekolah menengah teknik. *Jurnal Teknologi*, 49(1).
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Nor, N. M. M., Mohammad, W. M. R. W., & Mokhtar, S. (2020). Analisis kandungan kemahiran bahasa Melayu dalam kurikulum prasekolah di Malaysia. *PENDETA*, 11(1), 46-67.
- Chong, O. S., Mahamod, Z., & Hamzah, M. I. M. (2017). Meneroka kaedah pengajaran guru cemerlang bahasa Melayu negeri Sarawak: satu kajian kes. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 93-108.
- Razak, R. A. (2013). Pembelajaran berasaskan penghasilan penceritaan digital multimedia bagi menganalisis novel Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 38(1), 53-64.
- Riduan, R. M., Yunus, F., & Halim, L. (2021). Persepsi guru prasekolah terhadap pembelajaran berasaskan projek dan aspek pemerolehan bahasa kanak-kanak. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 524-539.
- Subri, M. R., Yaakub, R., & Nudin, A. B. (2021). Pelaksanaan pengajaran guru cemerlang dalam mata pelajaran bahasa Melayu ketika pandemik COVID-19: satu kajian kes. *PENDETA*, 12, 21-32.
- Taher, F. I. M., & Razak, K. A. (2022). Penguasaan kemahiran komunikasi pelajar melalui pembelajaran berasaskan projek berorientasikan animasi. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 7(45), 501-515.
- Tonge, M. L., & Mahamod, Z. (2020). Kesan pembelajaran berasaskan projek terhadap kemahiran menulis karangan murid sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 45(1), 12-20.
- Tholibon, H. A., Osman, Z., Sarudin, A., & Redzwans, H. F. M. (2022). Kesan pendekatan pembelajaran berasaskan projek terhadap pencapaian penulisan karangan jenis fakta murid tingkatan empat. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 10(3), 9-18.
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in Society: The Development of Higher Psychological Processes*. Cambridge, MA: Harvard University Press.

LAMPIRAN A

| | |
|--|---|
|  |  |
| <p>(a) Murid mempersembahkan nyanyian “Baja kompos” berdasarkan lirik lagu yang dihasilkan.</p> | <p>(b) Murid mempersembahkan deklamasi sajak “Harga Tanamanku” berdasarkan puisi yang dihasilkan</p> |
|  | |
| <p>(c) Murid mempersembahkan lakonan dalam PBMBP berdasarkan skrip penulisan berformat dialog.</p> | |
|  |  |
| <p>(d) Murid mendengar, menjelaskan, dan memberikan sekurang-kurangnya satu respons terhadap maklumat yang diujarkan dalam pelbagai situasi mengenai “Perhatikan Tanamanku”.</p> | <p>(e) Murid bercerita mengenai “Langkah-langkah Menyemai Biji Benih” dengan sebutan yang betul, intonasi, gaya dan ekspresi yang sesuai.</p> |



(f) Murid membaca, menjelaskan dan menaakul bahan multimedia mengenai “Bijak Sains” untuk membuat sebuah rumusan, dan ramalan.



(g) Murid membaca, dan menjelaskan sebuah bahan bukan sastera mengenai “Bahan dan Alatan Bertani” untuk menjelaskan sekurang-kurangnya satu maklumat tersirat.



(h) Murid mencatat sekurang-kurangnya 2 maklumat dan menjana idea berdasarkan maklumat mengenai “Inovasi Racun Serangga” dalam bentuk peta alir.




(i) Murid menghasilkan sebuah penulisan berformat dialog secara koheren dan kohesi mengenai “Petani Muda”.

LAMPIRAN B


Aktiviti PdPc yang dilaksanakan dalam PBMBP

| Bil. | Standard Pembelajaran & Kriteria Kejayaan (K.K) | Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) | Aktiviti |
|------|--|--------------------------------|---|
| 1. | 2.1.1 Membaca, memahami, dan mentafsir bahan sastera dan bukan sastera. K.K: Murid berjaya bersoal jawab daripada bacaan dan menjelaskan sebuah bahan bukan sastera mengenai “Bahan dan Alatan Bertani” untuk menjelaskan sekurang-kurangnya dua maklumat tersirat. | Kemahiran lisan | Perbincangan dan pembentangan |
| 2. | 3.2.1 Membina dan menulis perenggan untuk menyatakan pendapat yang kritis dan kreatif daripada sesuatu bahan multimedia. K.K: Murid berjaya menulis sebuah perenggan untuk menyatakan sekurang-kurangnya satu pendapat yang kritis dan kreatif daripada sesuatu bahan multimedia mengenai “Kriteria Penilaian Pertanian”. | Lembaran kerja | Perbincangan/sumbang saran Penulisan |
| 3. | 1.3.1 Bercerita dengan sebutan yang betul, intonasi, gaya dan ekspresi yang, sesuai. KK: Murid berjaya bercerita sekurang-kurangnya 2 maklumat mengenai “Langkah-langkah Menyemai Biji Benih” dengan sebutan yang betul, intonasi, gaya dan ekspresi yang sesuai. | Kemahiran lisan | Bercerita |
| 4. | 2.3.2 Membaca dan menghargai ilmu dan nilai daripada pelbagai bahan sastera dan bahan bukan sastera, dan dipersembahkan dalam pelbagai bentuk. KK: Murid berjaya membaca dan menghargai ilmu dan nilai daripada bahan bukan sastera mengenai “Inovasi baja Kompos” dan dipersembahkan dalam bentuk didik hiburan secara nyanyian dalam kumpulan. | Tugasan kumpulan | Nyanyian: Seni bahasa (didik hiburan) |
| 5. | 1.1.2 Mendengar, memahami dan memberikan respons terhadap maklumat yang diujarkan dalam pelbagai situasi. KK: Murid berjaya mendengar, menjelaskan, dan memberikan sekurang-kurangnya satu respons terhadap maklumat yang diujarkan dalam pelbagai situasi mengenai “Perhatikan Tanamanku”. | Kemahiran lisan | Soal jawab |
| 6. | 2.2.1 Membaca, memahami, dan menaakul bahan multimedia untuk membuat rumusan, dan ramalan. K.K: Murid berjaya membaca, menjelaskan dan menaakul bahan multimedia mengenai “Bijak Sains” untuk membuat sebuah rumusan, dan ramalan. | Pembentangan kumpulan | Perbincangan/sumbang saran |
| 7. | 3.2.3 Mencatat maklumat dan menjana idea berdasarkan bahan K.K: Murid berjaya mencatat sekurang-kurangnya dua maklumat dan menjana idea berdasarkan maklumat mengenai “Inovasi Racun Serangga” dalam bentuk peta alir. | Lembaran kerja | Projek |
| 8. | 4.2.2 Mempersembahkan puisi dengan penghayatan dan keindahan bahasa. K.K: Murid berjaya mempersembahkan sebuah puisi sajak yang bertajuk “Hargai Tanamanku” dengan penuh penghayatan dan keindahan bahasa. | Tugasan kumpulan | Puisi sajak: Seni bahasa (didik hiburan) |
| 9. | 3.3.1 Menghasilkan penulisan berformat, dan tidak berformat secara koheren dan kohesi. K.K: Murid berjaya menghasilkan sebuah penulisan berformat dialog secara koheren dan kohesi mengenai “Petani Muda”. | Lembaran kerja | Penulisan |
| 10. | 1.2.1 Bertutur untuk membuat rumusan dan ramalan tentang sesuatu perkara secara bertatasusila mengikut konteks. K.K: Murid berjaya bertutur untuk membuat sekurang-kurangnya 1 rumusan dan ramalan tentang sesuatu perkara mengenai ” Penyiraman Pokok” secara bertatasusila mengikut konteks. | Kemahiran lisan | Perbincangan/sumbang saran |
| 11. | 1.2.2 Bertutur untuk menghujahkan sesuatu perkara menggunakan idea yang kritis dan kreatif berdasarkan maklumat yang tersurat dan tersirat. K.K: Murid berjaya bertutur untuk menghujahkan sesuatu perkara mengenai “Tujuan Pembajaan Pokok” dengan menggunakan sekurang-kurangnya satu idea yang kritis dan kreatif berdasarkan maklumat yang tersurat dan tersirat. | Kemahiran lisan | Perbincangan/sumbang saran |
| 12. | 4.3.2 Menghasilkan cerita dengan bahasa yang indah dan santun berdasarkan bahan rangsangan dan mempersembahkannya secara kreatif. K.K: Murid berjaya mempersembahkan sebuah cerita melalui lakonan mengenai “Petani Muda” dengan bahasa yang indah dan santun berdasarkan bahan rangsangan “Projek Penanaman Sayuran” dan mempersembahkannya secara kreatif. | Tugasan kumpulan | Lakonan: Seni bahasa (didik hiburan) |


LAMPIRAN C




Dokumen (a). Murid berjaya menghasilkan rumusan secara bertulis.




Dokumen (b). Murid berjaya mencatat maklumat dan menjana idea berdasarkan maklumat mengenai "Inovasi Racun Serangga" dalam bentuk peta alir.



Dokumen (c). Murid mencatat maklumat berdasarkan puisi sajak dalam bentuk peta buih.



Dokumen (d). Murid berjaya menghasilkan penulisan karangan berbentuk dialog.



Dokumen (e). Murid berjaya menjana idea untuk menghasilkan sebuah lirik lagu bagi pelaksanaan aktiviti seni bahasa untuk dipersembahkan secara didik hiburan.